



“TANAM APA YANG DIMAKAN” “MAKAN APA YANG DITANAM”

PROGRAM PERTANIAN BANDAR DAN JOM BERTANI UNTUK KURANGKAN KOS SARA HIDUP

Program Pertanian Bandar dan Jom Bertani merupakan kempen menggalakkan masyarakat yang terdiri daripada individu dan komuniti menanam sayur-sayuran dan tanaman makanan bagi meringankan kos sara hidup melalui pengeluaran sendiri bahan makanan yang diperlukan.

Objektif Program Jom Bertani dan Pertanian Bandar adalah sama tetapi berbeza daripada segi lokasi perlaksanaan program iaitu Program Jom Bertani meliputi kawasan kampung manakala Pertanian Bandar meliputi kawasan bandar dan pinggir bandar.

Bercucuk tanam dikawasan perbandaran memberikan satu cabaran dan kelainan berbanding kawasan ladang atau kampung. Kreativiti untuk mengekalkan nilai estetika atau keindahan landskap yang sediaada, susun atur secara optimum di kawasan yang sempit, penggunaan bahan kitar semula seperti bekas tanaman dan sisa buangan serta tiada penggunaan racun serangga adalah perlu untuk merealisasikan kempen pertanian bandar. Hasil daripada program ini masyarakat akan dapat menikmati

sayur-sayuran yang segar dan selamat daripada penggunaan bahan kimia, penjimatan perbelanjaan isi rumah dan gaya hidup yang sihat.

Program Jom Bertani telah dilancarkan oleh YAB. Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd Yassin, Timbalan Perdana Menteri di Besut, Terengganu manakala Program Pertanian Bandar telah dilancarkan oleh YB. Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob, Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani di Putrajaya pada tahun 2014 yang lalu.

STATUS KEMAJUAN PELAKSANAAN PROGRAM PERTANIAN BANDAR

| KATEGORI | BIL. LOKASI | BIL. PESERTA |
|------------------------------|-------------|--------------|
| Kawasan Perumahan (Individu) | 64 | 683 |
| Kawasan Perumahan (Komuniti) | 88 | 1,331 |
| Sekolah | 80 | 1,444 |
| Institusi/Pejabat/Swasta | 59 | 1,661 |
| JUMLAH | 291 | 5,119 |

STATUS PERLAKSANAAN PROGRAM JOM BERTANI

Sebanyak 10,384 orang peserta telah terlibat dalam program Jom Bertani di seluruh Malaysia.

Program ini telah disertai oleh individu, komuniti, institusi, sekolah dan dikendalikan oleh Jabatan Pertanian sebagai Jabatan yang bertanggungjawab bersama-sama Jabatan dan Agensi lain di Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. Melalui program ini Jabatan Pertanian

bertanggungjawab untuk menyediakan kursus asas pertanian, khidmat nasihat teknikal, maklumat tentang tanaman, bahan dan input bagi permulaan projek. Masyarakat digalakkan untuk menyertai program ini untuk faedah bersama.

